

Headline **Mais lulus sumbangan RM50,000**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **344**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **86 cm²**
Color **Black/white**
PRValue **1,032**



Mais lulus sumbangan RM50,000

PENDERITAAN mendapatkan sumber kewangan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang cuba memberikan perlindungan kepada pesakit Aids di Selangor diringankan selepas Majlis Agama Islam Selangor (Mais) meluluskan RM50,000 untuk disumbangkan kepada mereka.

Berita baik itu disahkan Setiausaha Mais, Datuk Mohammed Khusrin Munawi dalam usaha menyediakan kemudahan penempatan penghidap HIV yang sebelum ini menetap di gereja.

"Jumlah tersebut akan diagihkan bagi peringkat permulaan untuk menyelesaikan masalah penempatan dan perlindungan mereka.

"Selain itu, Mais juga akan berusaha bagi menyediakan kemudahan kenderaan bagi kemudahan pesakit ke hospital termasuk menunaikan solat Jumaat," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini, semalam.

Menurutnya, Mais akan menyediakan dan menghantar pegawainya untuk memberi bimbingan dan kaunseling selain berusaha memberikan kemudahan lain.

"Mais sedia maklum berhubung situasi ini, namun tidak menemui mana-mana NGO yang mampu memberikan perlindungan serta penjagaan seperti yang diberikan oleh pihak gereja," katanya.

Kini, Mais telah bekerjasama dengan sebuah badan NGO tersebut untuk menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin.